

Headline	Sinergi Quran TNB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	44
ArticleSize	496 cm ²	Journalist	NURULFATIHA
PR Value	RM 25,382		



Sinergi Quran TNB

NURULFATIHA MUAH

BANGI

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjadi sahabat Quran korporat pertama dalam Kempen #QuranHour anjuran Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF).

Pengasas WUIF, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob berkata, sinergi terbaru itu menyaksikan gelombang #QuranHour sudah mula diterima baik organisasi korporat terbesar di negara ini.

Beliau berharap, gelombang itu akan terus diperluaskan ke dalam organisasi lain menerusi penyertaan mereka dalam kempen berinteraksi dengan al-Quran.

"Hari ini (semalam) kita lihat pegawai kanan TNB sudah mula merasai bagaimana jika mereka faham al-Quran dan menusuk masuk ke hati, boleh membantu urusan harian kita dalam pelbagai bentuk sama ada pengurusan, reka bentuk dan sebagainya.

"Cuma mereka kena betul-betul fahami al-Quran dan gali isinya melalui proses tadabbur dan tazakkur. Insyaa-ALLAH saya rasakan, seperti yang dijanjikan makna solusi (daripada al-Quran) itu boleh dilaksanakan," katanya selepas Majlis Perasmian Penutup Program TNB Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) #QuranHour - 'Making Safety a Way of Life', di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan Ketua



FOTO: SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM

Hussamuddin (enam, kiri) dan Muhammad Razif (tujuh, kiri) bergambar bersama peserta-peserta TNB #QuranHour, semalam.



Pegawai Insan TNB, Datuk Muhammad Razif Abdul Rahman dan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif WUIF, Marhaini Yusoff serta Ketua HSE TNB, Venudran Raman.

Sementara itu, Marhaini berkata, WUIF menyasarkan 100 organisasi bakal menjadi sahabat Quran korporat Kempen #QuranHour dalam tempoh lima tahun, bermula 2018 hingga 2023.

"Dengan penyertaan TNB ini, kita harapkan syarikat ini menjadi model atau 'champion' dalam sektor

keselamatan berlandaskan al-Quran," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Razif berkata, inisiatif baharu menerusi Program TNB HSE #QuranHour akan diperluaskan lagi kepada semua 35,000 kakitangan TNB di seluruh negara jika ia memberikan impak positif.

"Saya jangkakan impaknya (dari program ini) akan beri kesan positif kepada budaya kerja pekerja TNB dan sekiranya terbukti begitu, kita akan kembangkan program ke seluruh TNB.

"Kita akan terapkan nilai al-Quran dalam budaya kerja kepada seramai mungkin kakitangan kita," katanya.

Pengurus Kanan Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar TNB, Mohd Yusre Mohd

Yusoff berkata, program itu diadakan sebagai antara usaha dilakukan pihaknya bagi memantapkan anggota kerja mencapai aspirasi kemalangan sifar di tempat kerja, menerusi pendekatan spiritual dari sudut perspektif Islam.

"Untuk program ini, kita telah memilih surah Yasin ayat satu hingga 12 yang berkaitan soal keselamatan.

"Ada empat tingkah laku utama dalam tenaga budaya keselamatan iaitu menilai, patuh, teguh dan prihatin. Tingkah laku ini yang kami belajar sepanjang dua hari program untuk membudayakan pekerja-pekerja TNB," katanya.

Program TNB HSE #QuranHour yang berlangsung dua hari sejak kelmarin disertai 100 kakitangan jabatan berkenaan termasuk golongan bukan Islam.

Headline	Sinergi Quran TNB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	44
ArticleSize	496 cm ²	Journalist	NURULFATIHA
PR Value	RM 25,382		

REAKSI




 Kempen #QuranHour boleh memberi impak positif dari segi pemahaman dan cara hidup seperti keselamatan diri, rakan-rakan keluarga dan orang sekeliling. Pendekatannya dilihat lebih mudah difahami dari segi pengertian setiap ayat al-Quran dan maksud yang ada sebagai panduan hidup."

- Mohd Ali Hanafiah Hamad,
Penguat kuasa




 Kita selalu fikir keselamatan adalah untuk diri dan rakan sekerja disebabkan terikat dengan peraturan kerja atau tanggungjawab, namun ia sebenarnya ada kaitan dengan tuntutan agama. Bukan sahaja disebut dalam al-Quran, tetapi ia juga dituntut dalam agama saya, Buddha."

- Lin Shon Nyin, Ketua Unit